

TATKALA BAHASA MENGALIR DI MUARA MERDEKA

Oleh:

Dr. Muhaimin Sulam

Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM)

Penghargaan

Terima kasih kepada penganjur program Ceramah Umum Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu (JKTBM), Pengerusi dan ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, Pengarah DBP, seluruh pegawai dan kakitangan DBP dan para pelayar serta pengikut di talian yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua dan sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat bagi menjayakan program pada kali ini. Norma baharu yang kita lalui pada hari ini memberi peluang lebih luas kepada usaha menyebarkan kesedaran mengenai pentingnya perjuangan Bahasa Melayu.

Mukadimah

Ceramah umum ini adalah suatu upaya kecil dalam memahami kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di tanahairnya sendiri. Ceramah ini tidak mengemukakan data, gambarajah atau angka untuk memperkukuhkan hujah atau pandangan. Ini bukan perbahasan mencari pemenang dan siapa yang tewas. Siapa benar, siapa salah.

Di penghujung ceramah ini, saya mempunyai harapan agar setiap telinga mendengarnya mampu memercikkan nyalaan pada api perjuangan yang malap. Malap di muara kemerdekaan.

Tatkala bahasa mengalir di muara merdeka adalah tajuk ceramah ini. Ia merujuk tentang cabaran bahasa Melayu ketika kemerdekaan berada pada tahanan penghujung. Mengapa saya katakan sebagai 'penghujung'?

Muara merdeka adalah satu perlambangan. Muara adalah satu daerah atau lembangan di peringkat akhir sesebuah sungai. Apabila kita melihat muara, ia adalah satu pertemuan antara air laut dengan air sungai.

Pertembungan antara arus ombak laut dengan aliran sungai yang mengalir. Bahkan air pasang surut laut akan mempengaruhi kadar kandungan air sungai.

Muara akan membawa fikiran dan khayalan kita kepada realiti tentang rupa wajah bahasa kita pada hari ini. Alirannya lesu kerana membawa bebanan yang sangat berat dan pasrah bertembung dengan ombak laut yang datang.

Ketika melihat muara itu, itulah keadaan merdeka kita pada hari ini. Lesu, tidak bermaya dan pasrah kepada sebarang kemungkinan. Kita terus setia meraikan ulang tahun kemerdekaan yang kini lebih dikenali sebagai hari kebangsaan saban tahun. Hari kebangsaan atau hari merdeka menjadi satu ritual nasional untuk diperingati dan diraikan melalui acara-acara yang pelbagai. Namun yang lebih penting yang dihayati adalah soal pengisian merdeka yang benar-benar memberi makna besar dalam kehidupan bermasyarakat.

Pada ceramah ini, segala fikrah yang dilontarkan adalah daripada himpunan cebisan perjuangan 'bahasa jiwa bangsa' sepanjang perjalanan pembinaan negara bangsa. Ia bukan semata-mata dari kotak fikiran saya sahaja. Saya hanya mengatur bicara yang lepas dan menyusun kembali sebagai sebuah karangan untuk dikongsi sama.

Sepintas lalu, ceramah ini akan mempunyai beberapa tajuk kecil. Pertama saya akan membincangkan hubungan masyarakat dengan bahasa. Kedua hubungan bahasa dengan merdeka. Ketiga adalah kedudukan Bahasa Melayu kontemporari yang akan saya bincangkan di bawah tajuk kecil 'Melukut di Tepi Gantang'. Terakhirnya, saya mengemukakan pertanyaan 'Milik Siapa Bahasa Ini?' sebagai tajuk perbincangan.

Masyarakat dan Bahasa

Malik Benabi, seorang pemikir dari Algeria menyebutkan tentang masyarakat yang bertamadun. Terdapat dua jenis masyarakat sejarah. Satu masyarakat sejarah yang lahir daripada tindak balas kepada cabaran yang timbul dalam suasana tabii sehingga mewujudkan sebuah masyarakat baru. Jenis kedua adalah masyarakat yang lahir dari kesan tuntutan sesuatu ideologi.

Masyarakat Malaysia bolehlah dianggap sebagai masyarakat yang lahir dari perubahan demografi dan geografi kemanusiaan. Paling ketara

terutama semasa era penjajahan Inggeris pada kurun ke 19 apabila kemasukan buruh asing bagi memenuhi keperluan ekonomi Inggeris.

Masyarakat Malaysia tidak dibentuk oleh mana-mana ideologi seperti Amerika Syarikat atau Soviet Union. Ia terbentuk melalui proses asimilasi dan akodominasi dalam masyarakat secara berperingkat-peringkat.

Meski tanahair kita sudah mempunyai pengalaman sejarah dengan masyarakat luar sejak ratusan tahun, namun dalam era penjajahan Inggeris memiliki signifikansi kuat dalam proses pembentukan sebuah rupa bentuk masyarakat majmuk yang ada pada hari ini.

Peringkat awal Inggeris di tanahair kita, para pegawai dan kakitangan mereka belajar Bahasa Melayu dan cuba menguasai budaya dan bahasa tempatan. Bahkan mereka menulis buku-buku mengenai kesusasteraan Melayu dan menyusun kamus seperti yang dilakukan oleh Wilkinson, RO Winsted, Frank Swettenham dan lain-lain. Bahkan sepanjang di bawah pentadbiran Inggeris, mereka berusaha menguasai dan memugar kedaulatan bahasa Melayu itu sendiri.

Melalui penerokaan dan penguasaan bahasa Melayu, para pegawai Inggeris sebenarnya telah memahami psikologi dan sosiologi masyarakat tempatan yang mereka jajah. Mereka menguasai bahasa Melayu tetapi akar keinggerisannya terus kekal dalam pemikiran mereka. Inilah kualiti masyarakat yang bertamadun Barat. Mereka maju, menguasai dan membina sistem untuk bekas jajahannya menggunakannya beratus-ratus tahun selepas mereka meninggalkan tanah bekas jajahan mereka.

Sebelum Inggeris meninggalkan tanahair kita, mereka telah mempersiapkan satu perlembagaan yang menjadi asas kepada pembinaan negara bangsa yang baru merdeka. Lalu dari aspek bahasa, telah dijadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan melalui Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan tersebut tidak menghalang mana-mana bahasa lain digunakan atau diajar.

Kini sudah enam dekad lebih kita merdeka. Harus apa lagi kita persalahkan penjajah?

Sebagai sebuah masyarakat merdeka, bahasanya juga harus merdeka. Merdeka dalam erti kata, kita menggunakan bahasa sendiri bukan setakat dalam urusan rasmi tetapi dalam berkomunikasi, bahkan dalam berdiplomasi.

Masyarakat yang lemah, yang hilang jati diri akan menggunakan bahasa lain (bahasa asing) yang berdaya maju bagi menyandarkan harapan untuk turut maju bersama. Hujah menggunakan bahasa maju seperti bahasa Inggeris untuk maju sudah terbukti suatu dongengan. Ia lebih bersandarkan faktor ekonomi dan material sahaja.

Dalam hal ini, umumnya mengakui keperluan untuk masyarakat menguasai pelbagai bahasa dalam memperolehi sumber ilmu pengetahuan. Bahkan hal inilah kualiti yang pernah ditunjukkan oleh Laksamana Hang Tuah yang menguasai 12 bahasa. Di Melaka pada zaman keagungannya, terdapat lebih 80 bahasa digunakan di kota tersebut. Sebagai kota metropolitan ketika itu, penguasaan bahasa asing adalah perlu. Namun di sebalik itu, Bahasa Melayu tetap menjadi lingua franca ketika itu.

Dalam perbincangan ini, saya menggunakan istilah 'masyarakat' dan bukannya istilah 'rakyat'. Kedua-dua istilah ini walaupun pada zahirnya adalah sama iaitu merujuk sekumpulan manusia tetapi dari segi politiknya, masyarakat membawa nilai tanggungjawab sosial. Atau istilah lain yang hampir persamaan penggunaannya adalah warga negara. Iaitu sebagai ahli kepada sesebuah negara yang memiliki hak dan tanggungjawab dalam membina sesebuah negara.

Manakala istilah rakyat pula lebih kepada sebuah kelompok manusia yang pasif dalam kerangka feudal. Rakyat mempunyai kesetiaan bukan sekadar kepada sistem politik tetapi juga dalam sistem kehidupan sosial yang wujud. Rakyat tidak akan bangkit melawan sistem yang melingkari kehidupan mereka.

Sistem sosial yang ada pada hari ini adalah suatu proses neo kolonialisme yang menjadikan negara atau masyarakat sebagai pengguna sistem. Masyarakat kita tidak menghasilkan atau mencipta idea yang boleh digunakan oleh masyarakat luar. Sebaliknya kita kekal menjadi masyarakat pengguna sistem yang dicipta oleh kapitalis melalui proses globalisasi.

Merdeka Dengan Darah

Apakah perkaitan bahasa dengan merdeka? Inilah yang akan saya huraikan dalam ceramah ini.

Pernah saya terdengar kata-kata retorik di podium atau mimbar pembesar negara, sekali merdeka, selamanya merdeka. Merdeka dengan darah. Merdeka dengan jiwa. Saya ingin memetik sebuah puisi Masuri S.N yang bertajuk 'Seribu Harapan' yang ditulis pada 1951. Puisi itu saya ambil daripada buku 'Tititan Zaman' susunan Usman Awang dan Ismail Ahmad. Buku ini digunakan teks dalam subjek Kesusasteraan Melayu sewaktu saya berada di sekolah menengah.

*Siapa rela, siapa nanti pergi mara berbakti
Sedang kawah panas dengan air membuas ganas
Siapa berani, siapa nanti sanggup bermain api,
Yang menyambar, membakar, menjilat apa yang melintas
Lihat semua sikap tidak gentar dibuai godaan
Dengan membawa obar seribu sinar harapan.*

Merdeka adalah kata adjektif yang merujuk bebas daripada sebarang ikatan yang boleh menyekat untuk bergerak, berfikir dan berhimpun. Biasanya istilah merdeka dikaitkan dengan bebas daripada sebarang penjajahan, naungan dan tawanan. Ini barangkali kerana obsesi merdeka dengan sejarah politik negara.

Suatu perkara yang perlu fahami bahawa merdeka bukanlah suatu sifat yang kekal dan abadi. Merdeka adalah satu titik atau tahap dalam suatu proses perjalanan suatu masyarakat atau individu. Oleh sebab itu, merdeka adalah persoalan perjalanan hidup kita.

Merdeka adalah kesempatan untuk mengembalikan kehidupan diri atau masyarakat atau negara untuk memenuhi kepentingan diri dan masyarakat. Dalam proses mengisi dan membina keperluan dan kepentingan tersebut, akan berlaku pelbagai cabaran dan permasalahan yang memungkinkan seseorang atau suatu masyarakat atau negara itu berundur kembali atau terjajah semula.

Penjajahan seterusnya mungkin tidak seperti penjajahan sebelumnya. Ia disebut sebagai penjajahan baru atau istilah yang dikenali sebagai neo colonialism. Idea mengenai penjajahan baru (neo colonialism)

sudah wujud sekitar tahun-tahun 60an oleh sarjana-sarjana sains politik yang mengesan wujudnya penjajahan dalam bentuk baru setelah banyak negara-negara baru memperolehi kemerdekaan daripada kuasa barat khususnya.

Istilah penjajahan baru ini dikemukakan oleh ahli falsafah Perancis, Jean-Paul Sartre pada 1956 tetapi telah digunakan lebih awal oleh pejuang kemerdekaan Afrika dan Presiden Ghana pertama, Kwame Nkrumah. Malik Bennabi antara sarjana awal juga yang mengemukakan persoalan ini dalam konteks pembentukan masyarakat baru.

Penjajahan baru bermaksud suatu amalan geopolitik yang menggunakan kapitalisme, globalisasi perniagaan dan imperialisme budaya untuk mempengaruhi negara, sebagai ganti sama kawalan tentera ada secara langsung atau kawalan politik secara tidak langsung seperti imperialisme dan hegemoni. Perkara ini juga dibahas panjang oleh Gramsci, Frantz Fanon dan juga Edward Said dalam magnum opusnya 'Orientalism'.

Negara yang berfahaman imperialisme tetap meneruskan penguasaan mereka terhadap negara-negara bekas jajahan mereka melalui hegemoni budaya yang sangat sistematik, halus dan kemas. Negara-negara baru merdeka atau diwujudkan oleh kuasa-kuasa barat hanya menerima simbol-simbol negara merdeka seperti bendera, lagu negara, pemimpin tempatan yang berkuasa dan birokrat-birokrat yang melaksanakan polisi yang diwarisi sejak dalam era penjajahan.

Lalu dalam persoalan bahasa dalam kerangka merdeka yang kita perhalusi ini, kita dan tanahair kita pada hari ini berada dalam situasi penjajahan baru. Sukar untuk difahami dan diterima. Itulah yang berlaku sewaktu para pejuang kemerdekaan beratus-ratus tahun lalu menyedarkan masyarakat tentang kemerdekaan tanahair. Hanya beberapa kerat di kalangan masyarakat ketika itu yang memahami dan mendokong perjuangan kemerdekaan.

Istilah merdeka itu ibarat dosa yang terpaksa mereka pikul bersama. Hatta parti yang memperjuangkan kemerdekaanpun bimbang untuk menggunakan kalimat merdeka dalam slogan mereka. Merdeka ketika itu adalah suatu istilah puaka, celaka dan khianat. Seluruh sejarah perjuangan mereka dianggap derhaka dan pendosa bangsa.

Masyarakat ketika itu tidak nampak keperluan untuk merdeka. Tidak nampak tentang keperluan untuk anak tempatan memerintah sendiri.

Ini kerana Inggeris yang datang dianggap sebagai pembantu memajukan kerajaan dan tanahair. Inilah yang diungkapkan oleh Raja Abdullah dalam suratnya kepada Sri Andrew Clarke, Gabenor Negeri-Negeri Selat pada 1873. Surat itu menyatakan kesediaan baginda meletakkan Perak di bawah pentadbiran Inggeris dan menyediakan seseorang yang boleh menunjukkan baginda sistem pentadbiran kerajaan yang baik.

Inggeris tidak mengganggu segala simbol-simbol agama dan bangsa. Raja Melayu masih bertakhta di atas singgahsana. Sembahyang, puasa dan segala ibadah dapat dilakukan seperti sewajarnya. Sepertilah juga pada hari ini. Menyuarakan perihal bahasa Melayu sudah dianggap ketinggalan zaman. Seperti sudah tiada keutamaan dalam berjuang.

Ambillah semangat Ahmad Boestamam mengenai perjuangan kemerdekaan di saat masyarakat masih buta makna penjajahan. Katanya;

*Nyalakan terus unggun chita
segarlah kuntum menanti kembang
dari NERAKA beta mendoa
semogalah surga bagimu rakyat!*

Bahasa Inggeris adalah suatu keperluan untuk maju dan bergerak ke hadapan. Tiada siapapun menafikan keperluan tersebut. Kita perlu akui bahawa Bahasa Inggeris sangat berpengaruh dan kuat di segenap lapisan masyarakat. Bahkan Bahasa Inggeris sudah digunakan dalam sistem pendidikan negara sebagai salah satu mata pelajaran yang dominan samada di peringkat pra sekolah, sekolah hingga universiti.

Melukut Di Tepi Gantang

Namun pada keadaan sebenarnya, kita perlu akui bahawa bahasa Melayu kini berada seperti pepatah lama, 'melukut di tepi gantang'. Sayangnya pepatah itu sendiri sudah tiada dalam kamus pemikiran masyarakat pada hari ini. Terutamanya kepada generasi muda hari ini.

Apabila masyarakat kita mengubah sistem nilai yang menjadi kayu ukur dalam kehidupan, dari situlah bermulanya penjajahan baru. Kata-kata 'sekali merdeka, selamanya merdeka' hanya tinggal dalam lipatan sejarah. Jika kita tidak lagi menghargai kebijaksanaan sendiri dan mengutip

'kebijaksanaan' luar sewenangan, maka kita hanya menunggu saat kehancuran sebuah tamadun bangsa.

Keadaan pada hari ini, bahasa Melayu sendiri sudah kehilangan lidah dan suara di rumahnya sendiri. Inilah yang pernah diungkapkan dalam puisi Sasterawan Negara, Usman Awang:

*Walaupun sudah mengenal universiti
Masih berdagang di rumah sendiri.*

Sejarah sebuah negara adalah himpunan cebisan sejarah dan kenangan bersama dari pembesar hingga kepada rakyat jelata. Sejarah bukan semata-mata catatan buku sejarah dalam kurikulum sekolah atau universiti.

Persoalan bahasa sebenarnya sudah berdekad disuarakan. Berkali-kali di sana sini. Kini setelah sudah merdeka tanahair kita lebih setengah kurun, persoalan itu masih diungkit-ungkit lagi. Apa lagi yang memgecewakan? Apa lagi yang didendamkan? Apa lagi yang hendak mahu dicapai?

Bahkan berceramah mengenai mauduk bahasa kadangkala dianggap ketinggalan zaman atau keluar dari arus perdana.

Apabila Menteri Alam Sekitar dan Air berucap dalam Bahasa Melayu di Persidangan Perubahan Iklim di Scotland, pelbagai reaksi yang keluar. Bangga, gembira, sindir dan tidak kurang juga yang mempersendakan. Kita abaikan soal kandungan ucapan menteri tersebut. Dalam konteks bahasa, kita sewajarnya menghargai usaha menteri berucap dalam bahasa Melayu di podium antarabangsa. Sebelum ini, Jokowi dalam persidangan yang sama juga berucap dalam bahasa Indonesia. Tiada siapa yang sibuk mengkritik atau mempersendakannya. Bahkan berbangga.

Mengapa ini berlaku?

Pertama ini disebabkan kita terlalu banyak dihempap dengan pertembungan politik yang tidak berkesudahan dan tidak perlu. Hingga masalah semua perkara hendak dipolitikkan. Ini bukan bermakna politik tidak penting bahkan politik sangat penting. Namun haruslah diletakkan pada tempat yang sewajarnya.

Keduanya, kerana pertimbangan dan kayu ukur kita sudah ada kecacatannya. Berucap dalam bahasa Melayu adalah suatu yang memalukan. Terasa bodoh

apabila berucap dalam Bahasa Melayu. Sedangkan lidah sendiri adalah lidah Melayu.

Walau bagaimanapun pengucapan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa itu tidak boleh juga dianggap sebagai kejayaan perjuangan bahasa yang terlalu dibesar-besarkan. Apabila terlalu diperbesar-besarkan hingga di luar konteks, ia menjadi semacam suatu agenda politik yang dangkal dan memualkan. Oleh kerana persidangan tersebut mengenai perubahan iklim global, maka wajar sebarang kritikan atau pujian memberi fokus kepada kandungan persoalan perubahan iklim global. Bukan soal bahasa.

Jika soal bahasa, ini medannya. Ini podium untuk kita membicarakan persoalan bahasa.

Milik Siapa Bahasa Ini?

Bahasa Melayu itu milik siapa? Orang Melayu? Orang Malaysia? Orang Nusantara? Bahasa yang tidak menjadi budaya kehidupan masyarakatnya, lama-kelamaan akan hilang sang penutur dan sang pendengarnya. Ia akan senasib dengan bahasa Sanskrit, Latin dan bahasa lain yang hilang dalam lipatan sejarah.

Bahasa adalah salah satu idea yang dicipta oleh masyarakat melalui hubungan sosial. Khazanah atau kekayaan sesuatu masyarakat tidak mungkin diukur dengan kuantiti objek-objek yang mereka miliki. Ini kerana objek-objek atau material akan musnah atau hilang penguasaannya. Sebaliknya, malapetaka besar dalam masyarakat akan berlaku apabila hilang penguasaan terhadap idea-idea yang dimiliki.

Melalui hubungan sosial yang kukuh, bahasa akan berkembang maju dan mengakar dalam masyarakat. Oleh itu, pra syarat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu adalah melalui pengembangan idea menerusi bahasa pribumi dan bahasa yang subur membumi. Mahu tidak mahu, kita harus menanamkan ke dalam pemikiran masyarakat peri pentingnya menyuburkan bahasa Melayu dalam kehidupan bermasyarakat.

Kegagalan mengungkapkan idea-idea kehidupan samada dalam aspek politik, sosial, ekonomi, pendidikan, sains dan sebagainya dalam bahasa Melayu menandakan satu kegagalan membentuk masyarakat yang bersatu padu. Bahasa Melayu harus bersedia menghadapi cabaran yang datang dari pelbagai

pelusuk sebagai bahasa yang mampu menyatukan idea-idea yang rencam dengan makna yang dapat difahami semua pihak.

Malik Bennabi mengatakan 'keberkesanan idea bergantung pada rangkaian hubungan, iaitu kita tidak boleh memikirkan adanya tindakan yang penuh harmonis menggabungkan peribadi manusia, idea dan objek benda tanpa adanya hubungan antara mereka. Ini kerana hubungan ketiga-tiga unsur itu amat penting dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang progresif dengan acuannya sendiri. Kegagalan kita memilikikan bahasa Melayu sebagai bahasa peribadi dan bahasa kebangsaan adalah cerminan kegagalan sebuah bangsa merdeka.

Oleh itu, ketika kita berdiri di muara merdeka ini, saya ingin menyebutkan beberapa tingkat hukum yang boleh dilakukan demi kelangsungan hidup bernegara dan bermasyarakat yang menjadikan bahasa Melayu sebagai teras kebudayaan hidup. Inilah yang disebutkan oleh budayawan Nusantara terkenal, Koentjaraningrat.

Tingkat pertama adalah suatu lapisan abstrak yang sangat luas, kabur tetapi memiliki akar dari jiwa dan emosi dalam masyarakat itu sendiri. Inilah tingkat yang disebut sebagai tingkat nilai. Nilai hidup masyarakat harus dinilai kembali terutama dalam kerangka dunia yang langitnya terbuka luas samada melalui kemajuan teknologi maklumat atau dasar globalisasi kuasa-kuasa besar dunia.

Pada amatan kasar saya, kita masih lagi berligar-ligar pada tingkat pertama. Usaha membina nilai terhadap bahasa kebangsaan adalah tugas nasional. Kita belum melepasi ke tingkat kedua, ketiga atau seterusnya. Inilah cabaran yang kita perlu lalui bersama.

Tingkat kedua adalah pembentukan sistem norma dalam masyarakat. Covid 19 telah membentuk norma-norma baru bagi masyarakat meneruskan kehidupan baru. Norma-norma itu perlu diterima oleh masyarakat atas pertimbangan sains dan politik. Kadangkala pematuhan norma-norma itu tidak sangat bersandarkan sistem nilai-nilai dalam diri masyarakat sebaliknya adalah kesan daripada tekanan kuasa-kuasa luar seperti penguatkuasaan undang-undang dan nilai baru dalam masyarakat.

Tingkat ketiga melalui proses penghukuman dan perundangan yang mendorong secara paksaan dalam masyarakat untuk menerimanya sebagai suatu norma baru sehingga menjadi norma yang sehati dalam kehidupan mereka.

Dalam perbincangan kita mengenai 'tatkala bahasa mengalir di muara merdeka', saya percaya sidang pelayar dan pengikut sekalian dapat mengukur badan sendiri sebelum bertindak. Kebijaksanaan tidak memadai tanpa ada rasa keberanian yang bertanggungjawab bagi membawa masyarakat melewati setiap tahap-tahap sebelum kita benar-benar berada di penghujung merdeka. Iaitu pada titik hilangnya kemerdekaan tanahair.

Akhir Kalam

Saya percaya, hal-hal yang saya nyatakan sebelum ini sudah diperkatakan oleh para pembicara sebelum ini. Bahkan sudah berulang kali perkara yang sama diungkit di pelbagai medan dan waktu. Saya tidak mengharapkan hasil yang sama daripada tindakan yang sama berlaku. Seperti yang saya jelaskan pada awal lagi bahawa saya hanya mengulangi fakta-fakta yang sama. Ia sekadar ingatan kembali buat mereka lupa, alpa dan naif.

Sebelum saya mengakhiri ceramah umum ini, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur serta keluarga besar DBP, rumah keramat bangsa. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk meminta maaf sekiranya terdapat kekurangan, kesilapan atau kekasaran kata dalam ceramah ini. Saya percaya sumbangan sedikit ini yang mampu saya berikan adalah suatu penghargaan besar buat diri saya.

Semoga kita bertemu pada kesempatan lain dan mudah-mudahan Allah SWT permudahkan kerja kita dan dijadikan suatu amal ibadah buat bekalan di akhirat kelak.

Wabillahi taufik wal hidayah, assalamualaikum wbk.

Terima kasih.

17 Nov 2021

Teluk Intan